

PM puji BM 26 JUL 1988 polis berkhidmat cemerlang

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada semua peringkat anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena ulang tahun ke-30 pengurniaan gelaran Diraja, esok.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, dalam perutusannya sempena ulang tahun itu berkata pengurniaan gelaran Diraja kepada PDRM adalah kerana menghargai perjuangan, pengorbanan dan kesetiaan pegawai serta anggota polis menghadapi pemberontakan bersenjata oleh Parti Komunis Malaya (PKM) dari tahun 1948 hingga 1960.

Perdana Menteri berkata, anggota polis membuktikan kesanggupan berjuang hingga ke titisan darah terakhir dalam mempertahankan maruah dan kedaulatan negara, daripada ancaman komunis.

Beliau bangga atas kemampuan PDRM menjalankan tugas dan tanggungjawab menguatkuasakan undang-undang negara, memelihara keamanan serta melindungi rakyat.

"Saya berharap semua pegawai dan anggota PDRM akan terus berazam menyumbangkan perkhidmatan lebih cemerlang kepada rakyat dan negara. Segala pengorbanan mereka akan tetap dikenang serta disanjung," katanya.

Bagi meningkatkan keberkesanan tugas polis, beliau meminta rakyat memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada PDRM.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar dalam perutusannya pula berharap orang ramai memberikan penuh kerjasama kepada pasukan polis bagi menghadapi tentangan komunis.

"Saya harap hubungan baik ini perlu dimantapkan lagi bagi membolehkan pasukan polis menjalankan tugas serta melaksanakan tanggungjawab mendaulatkan undang-undang, mengekalkan keamanan dan melindungi ketahanan nasional," katanya.

Beliau berkata pengurniaan gelaran Diraja kepada pasukan polis oleh Yang di-Pertuan Agong 30 tahun dahulu adalah kerana menghargai sikap taat setia, kegigihan, perjuangan dan pengorbanan di kalangan pegawai serta anggota polis menghadapi pemberontakan bersenjata komunis selama kira-kira 10 tahun.

Beliau berkata kecemerlangan pasukan polis menghadapi pemberontakan bersenjata komunis di negara ini tercatat di dalam sejarah negara.

Menurutnya, polis adalah pasukan keselamatan negara terbesar ketika itu dengan kekuatan 161,281 anggota, mewakili anggota polis tetap 31,164, Polis Khas (SC) 44,117 dan polis tambahan (AP) 86,000.

Pasukan polis ketika itu, katanya bertanggungjawab menggagalkan percubaan Parti Komunis Malaya (PKM) yang berhasrat menegakkan sebuah negara komunis di Tanah Melayu dengan kekerasan bersenjata.